

176

NO. SOALAN: 264

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN
[NIBONG TEBAL]**

Dato' Mansor Bin Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan secara terperinci penstrukturan semula Kedai Rakyat 1 Malaysia kepada Kedai Rakyat 1 Malaysia 2.0 (KRIM 2.0) dan apakah aspek-aspek yang diperbaiki dan penambahbaikan yang diharapkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Penstrukturan semula Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) kepada KR1M 2.0 telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia dengan jayanya pada 4 Februari 2018 di Temerloh, Pahang. Rata-rata rakyat yang hadir telah memberikan maklumbalas yang positif terhadap penstrukturan semula KR1M 2.0 ini dalam memberi pilihan kepada rakyat untuk memperolehi barangan keperluan asas pada harga yang berpatutan. Penjualan barangan KR1M 2.0 yang menggunakan bungkusan asal produk yang berjenama dengan harga yang lebih murah dan kompetitif daripada pasaran telah menambahkan lagi keyakinan rakyat terhadap kualiti produk yang terdapat di KR1M 2.0. Strategi perniagaan yang tepat membolehkan harga barangan KR1M 2.0 diturunkan kepada harga yang lebih berpatutan dan harga sebegini juga boleh dilaksanakan oleh pasaraya/pekedai yang lain jika betul strategi perniagaannya. Ia mewujudkan persaingan yang sihat dan menyebabkan syarikat-syarikat peruncitan lain turut menawarkan harga yang lebih kompetitif. Oleh itu, secara tidak langsung rakyat juga mendapat faedah daripada persaingan sihat ini.

Tuan Yang Di-Pertua,

Inisiatif KR1M 2.0 tidak memfokuskan kepada kedai fizikal yang khusus seperti dahulu. KR1M 2.0 dilaksanakan melalui model perniagaan baharu yang melibatkan kerjasama antara pihak Kerajaan dan rakan kongsi strategik KR1M 2.0. Model perniagaan tersebut terdiri daripada operasi perniagaan kendalian pemilik (*owner-operator*) dan penjenamaan bersama (*co-branding*). Antara produk-produk yang dijual melalui KR1M 2.0 ialah barangan keperluan asas seperti gula kasar, minyak masak,

178

tepung gandum dan beras yang dijual pada harga berpatutan. Selain itu, KR1M 2.0 juga tidak lagi menekankan penjualan produk dalaman (*in-house*) sendiri seperti KR1M terdahulu. Barangan KR1M 2.0 yang dijual adalah barangan harian yang berjenama dan pembungkusannya sama seperti yang dijual di lain-lain kedai. Melalui kaedah mengekalkan pembungkusan produk-produk berjenama tersebut, pengguna dengan mudah boleh mengetahui dan yakin terhadap kualiti produk-produk KR1M 2.0.

Tuan Yang Di-Pertua,

Outlet KR1M 2.0 sedang dilaksanakan secara berperingkat dengan melibatkan tiga fasa iaitu:

1. Fasa Pertama - konsep pasaraya iaitu melalui rangkaian pasaraya TMG.
2. Fasa Kedua - konsep pasar mini/kedai serbaneka khususnya di kawasan bandar seperti yang akan dilaksanakan bersama KK Super Mart tidak lama lagi.
3. Fasa Ketiga - "*sundry shops*" (kedai runcit biasa) yang berdaya maju, yang dilaksana kemudiannya apabila pelaksanaan di Fasa Pertama dan Kedua telah lancar. Pada Fasa Ketiga ini, ia tidak dilakukan secara tergesa-gesa kerana melibatkan banyak faktor penting yang perlu dimantapkan terlebih dahulu seperti logistik, operasi, pengangkutan dan pusat pengedaran (DC).

Model perniagaan baharu yang diperkenalkan bagi penjenamaan semula KR1M 2.0 adalah bertepatan pada masanya serta lebih terbuka dan berdaya maju. Inisiatif ini bukan sahaja memberi manfaat kepada

rakyat sebagai pengguna tetapi turut memberi kelebihan kepada perniagaan yang mengambil bahagian.

Tuan Yang Di-Pertua,

Secara umumnya pelaksanaan KR1M 2.0 dilaksanakan melalui kerjasama strategik dengan entiti atau syarikat peruncitan yang berkaliber dan berkeupayaan tanpa bantuan kewangan secara khusus daripada Kerajaan. Pihak peruncitan tersebut pada masa hadapan akan menjadi *anchor* (tunjang) kepada kedai atau outlet KR1M 2.0 yang lain. Ini bagi memastikan kelangsungan perniagaan dan bekalan produk KR1M 2.0 yang konsisten.